

MH370: Kemungkinan pembabitan penganas tidak boleh diketepikan - CIA
Astro Awani
12 Mac, 2014

KUALA LUMPUR: Agensi Perisikan Pusat Amerika Syarikat, CIA berpendirian kemungkinan pembabitan pihak penganas tidak boleh diketepikan dalam kes kehilangan pesawat Boeing 777 MH370 Sabtu lalu.

Ini kerana masih ada pengakuan beberapa pihak yang mendakwa bertanggung jawab terhadap kehilangan pesawat itu telah diterima.

Pengarah CIA, John Brennan berkata pihaknya masih menyiasat dakwaan-dakwaan yang diterima.

Agensi berita antarabangsa AFP melaporkan masih banyak persoalan yang belum ada pengesahannya.

Bekas penasihat agensi pencegahan keganasan kepada presiden Barack Obama ini juga memberitahu pencarian dibuat dengan berhati-hati .

Brennan turut menyifatkan kehilangan MH370 kekal misteri.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/mh370-kemungkinan-pembabitan-penganas-tidak-boleh-diketepikan-cia-31692?cp>